

UMS

tekad

tingkat

integriti

UB 31.03.2012 B6

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) semakin didesak untuk menyediakan kemudahan yang terbaik ekoran tuntutan tahap ketelusan yang meningkat.

Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Dr Kamaruzman Ampon, berkata integriti adalah entiti yang memisahkan sama ada perkhidmatan awam cemerlang atau sebaliknya.

“Integriti sering dikaitkan dengan rasuah, namun ia sebenarnya lebih dari persoalan rasuah.

“Dalam konteks institusi pengajian tinggi awam (IPTA), kita berhadapan pelbagai cabaran yang sentiasa berubah-ubah meliputi pelbagai peringkat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di perasmian penutupan Bulan Integriti UMS kali ke-2 di UMS, kelmarin.

Kamaruzaman berkata, pelaksanaan integriti di universiti bukanlah pilihan tetapi kewajipan.

“Penerapan nilai integriti di universiti juga wajar disokong oleh komponen pentingnya daripada ahli akademik, pentadbiran dan profesional hingga kepada golongan pelajar.

“Universiti sebagai gedung ilmu menjadi tempat terbaik untuk memperkasa dan memperkuuh nilai integriti agar dapat menjadi contoh kepada masyarakat,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata penubuhan Rakan Integriti Mahasiswa (RIM) juga menjadi saluran terbaik untuk membudayakan integriti di dalam kampus.

RIM telah dilancarkan pada 11 Mei 2010 oleh Kementerian Pengajian Tinggi bertujuan membolehkan pelajar melaksanakan program kesedaran integriti di kampus masing-masing.